

30 NOV 1996

Kelantan-Exco

NIK AZIZ TUNGGU SURAT PELETAKKAN JAWATAN BEKAS EXCO S46

KOTA BAHARU, 30 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini meminta empat anggota Exco kerajaan negeri dari bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) supaya segera menghantar surat peletakkan jawatan masing-masing bagi membolehkannya menyusun semula barisan Exco negeri itu.

"Saya kini hanya menunggu surat peletakkan jawatan daripada mereka," katanya di sini ketika ditanya mengenai perkembangan baru rombongan yang bakal dilaksanakannya.

Menurut beliau, kesemua empat bekas anggota S46 itu perlu mematuhi segera arahan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta mereka meletakkan jawatan kerana Umno tidak terlibat dengan kerajaan campuran di Kelantan.

"Jika tak mahu undur juga lebih baik mereka keluar dari Umno kerana langkah itu mencemarkan imej presiden (Umno) sendiri, sedangkan presiden mengarahkan anggotanya tetapi anggotanya tak mahu dengar," katanya merujuk kepada kenyataan keempat-empat anggota itu semalam bahawa mereka hanya akan meletak jawatan setelah menerima surat rasmi dari Umno berhubung arahan itu.

Ditanya mengenai kesukaran yang bakal dihadapinya termasuk mendapatkan perkenan Sultan Kelantan dalam usaha membentuk barisan Exco negeri yang baru, Nik Aziz menyatakan rasa yakinnya ia dapat diselesaikan dengan baik.

"Insya-Allah. Takkanlah selama-lamanya malam, kita ada malam dan fajar, (masalah ini) tidak akan berpanjangan, apa suasana pun di muka bumi ini, hanya kita berdoa pada Allah," katanya.

Mengenai tindakan beberapa pihak yang cuba untuk terus menerus mensabotaj pentadbiran kerajaan negeri sekarang, beliau berkata perkara itu bukan dibuat pada peringkat rakyat sebaliknya adalah usaha daripada segelintir pihak termasuk pegawai pentadbir negeri atas kepentingan peribadi.

Mengenai hubungan Pas dan Umno pada masa ini, Nik Aziz berkata beliau berusaha untuk mendekatkan kedua-dua parti itu walaupun di masa lalu mereka sering berbalah dan mempunyai perbezaan pendapat serta pandangan mengenai Islam.

"Kita mahu sentiasa rapat dengan Umno, walaupun sering berbalah tetapi kita tidak boleh terus bermusuhan dan berjauhan, itulah tuntutan Islam," katanya.

Berhubung dengan kerjasama Umno dan Pas termasuk usaha menubuhkan kerajaan campuran di Kelantan, beliau berkata Pas tidak akan membuat sebarang langkah seterusnya, sebaliknya menunggu tindakan selanjutnya daripada Umno.

"Disebabkan orang yang mula mengeluarkan kenyataan mengenai kerjasama itu adalah daripada anggota Umno sewaktu dalam Dewan iaitu oleh Adun dari Kemahang, Mohd Adnan Kechik dan Adun Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir maka orang-orang itulah yang sepatutnya memulakan kerjasama," katanya.

Terdahulu, Nik Aziz ketika meraikan bekas pemimpin kawasan dan bekas anggota S46 yang menyertai Pas di kediaman rasminya di sini berkata, kerajaan negeri akan tetap berusaha untuk membangunkan Kelantan walaupun mengakui menghadapi kekurangan sumber kewangan.

Banyak pihak kini mula memberikan penghargaan dan sokongan terhadap kerajaan negeri pimpinan Pas di Kelantan setelah melihat pemimpinnya sering teraniaya ketika cuba untuk memperjuangkan kepentingan rakyat, katanya. --

BERNAMA
RAR PR